

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 March 2016

Sebantal tetapi tidak mesra

Oleh HUSSAINI AMRAN
pengarang@utusan.com.my

GERAKAN menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang berselindung di sebalik slogan 'Selamatkan Malaysia' menepati maksud perumpamaan Inggeris 'politics makes strange bedfellows'.

Perumpamaan itu menggambarkan sikap sekumpulan individu yang saling bercakaran antara satu sama lain namun sanggup menjalinkan kerjasama sekiranya mereka fikir tindakan itu boleh memberi manfaat politik.

Antara persoalan yang timbul adalah bagaimana gerakan tersebut boleh memancing simpati rakyat untuk berdiri di belakang



peneraju-penerajunya sedangkan hubungan sesama mereka boleh diibaratkan seperti 'tidur sebantal tetapi tidak mesra'.

Mampukah Penasihat DAP, Lim Kit Siang melupakan pengalaman beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) ketika Operasi Lalang dilancarkan oleh pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1987?

Malah, Kit Siang tidak menjawab soalan sama ada beliau mempercayai Dr. Mahathir ketika ditanya tentang perkara itu dalam



Dr. Mahathir juga menyatakan beliau hanya menentang Perdana Menteri dan bukannya UMNO serta Barisan Nasional (BN) sedangkan pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang yang mendalangi gerakan itu sudah tentu mahu kemenangan memihak kepada mereka."

sidang akhbar pelancaran gerakan tersebut di Rumah Persatuan Alumni Universiti Malaya di Kuala Lumpur, kelmarin.

Begitu juga dengan Dr. Mahathir yang seolah-olah mengelak daripada memberi jawapan yang konkrit ketika ditanya tentang agenda membebaskan Penasihat

PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada hukuman penjara atas kesalahan meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd. Saiful Bukhari Azlan.

Hanya Dr. Mahathir yang tahu sama ada beliau selesa berganding bahu dengan Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia (Hakam), Da-

tuk S. Ambiga yang bertegas mahu agenda tersebut diberi keutamaan dalam gerakan yang longgar itu.

Isteri Anwar yang juga Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail tidak menghadiri sidang akhbar tersebut.

Seperti yang dijelaskan Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, Dr. Wan Azizah tidak hadir kerana beliau tidak mahu dijadikan 'kuda tunggangan'.

Adakah ia bermaksud Dr. Wan Azizah mencurigai gerakan tersebut memandangkan ia turut dianggotai Dr. Mahathir yang dikenali sebagai musuh ketat Anwar?

Dr. Mahathir juga menyatakan beliau hanya menentang Perdana Menteri dan bukannya UMNO serta Barisan Nasional (BN) se-

dangkan pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang yang mendalangi gerakan itu sudah tentu mahu kemenangan memihak kepada mereka.

Sudah tentu pendirian yang berbeza itu menimbulkan kecelaruan dalam menentukan objektif sebenar gerakan tersebut malah, penyokong pakatan pembangkang sendiri mempersoalkan kewajaran pemimpin-pemimpin mereka bersekongkol dengan Dr. Mahathir.

Hakikatnya, gerakan carca marba itu akan terus bercelaru selagi para pendukungnya gagal bersepakat dalam isu-isu pokok seperti pembebasan Anwar, calon Perdana Menteri, perbezaan fahaman politik dan persengketaan peribadi.

Ulm - 6/3/2016